ACAH PATUNG

Permainan ini merupakan permainan luaran dan lazimya dimainkan dihalaman rumah. Ianya tidak ubah seperti gelagat burung yang ditakutkan oleh 'patung-patung' yang terdapat di sawah padi. Lazimnya dimainkan oleh kanak-kanak lelaki mahupun perempuan berumur 6 tahun ke atas terdiri dari empat orang atau lebih pemain. Setelah undian seorang pemain akan dilantik menjadi 'ibu'. Permainan dimulakan apabila pemain-pemain menjerit perkataan 'kejar' kepada 'Ibu'. Sebaik sahaja jeritan, 'Ibu' akan mengejar salah seorang pemain untuk dijadikan sasaran menggantikan tempatnya.

Pemain-pemain lain akan berusaha mengelak diri dari 'Ibu', mereka hanya boleh berdiri di kawasan yang dihadkan tanpa keluar dari gelanggang. Jika terkeluar, pemain itu dengan sendirinya akan menjadi 'Ibu'. Jika 'Ibu' terus mengejar dan pemain akan itu tiba-tiba penat, permainan akan dimainkan semula. Pemain akan menjerit perkataan 'Patung' dan terus berpura-pura seperti patung. Ketika ini, pemain mestilah bertindak seperti patung dan tidak boleh bergerak, tersenyum, bercakap atau menjeling ke kiri dan ke kanan.

ACAH PATUNG

This is an outdoor game usually played in the compound of a house. The game imitates birds frightened by a scarecrow in a paddy field. The player who is chosen as the 'Ibu' or catcher is selected by various selection methods and is required to choose and catch one of the other players to replace him as 'Ibu'. The game begins when the targets simultaneously shout 'Kejar' at the 'Ibu'. The targets must not stray out of the predestinated boundaries and if anyone does, then he or she automatically becomes the new 'Ibu'. If there is any player who, on being pursued, runs out of breath, the game is restarted. A player may shout 'Patung' and assume the stance of a scarecrow to avoid being caught by the 'Ibu'. However, he may not move, look right or left, speak or even smile to remain safe from being caught.

